## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 19 DISEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br>5. | PROGRAM JUALAN AGRO MADANI, MUKA DEPAN, SH -1<br>YEAR-END HARVEST HELPS EASE LOCAL WHITE RICE SUPPLY, NATION, THE STAR -4<br>LOCAL WHITE RICE SHORTAGE EASES, NATION, THE STAR -2<br>PERBANYAKKAN KEBUN BANDAR, NEGARA, KOSMO -6<br>PESARA DIGALAK JAYAKAN PERTANIAN BANDAR, UBAH TANAH TERBIAR JADI KEBUN, NASIONAL, SH -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6. | KOPI PRACAMPUR ANRAMIN TEMBUSI PASARAN DI 3 NEGARA, NASIONAL, BH -17 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 7. | PINDAH HAIWAN TERNAKAN KE TEMPAT TINGGI SEMASA BANJIR, FORUM, UM -18 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 8. | MADA SUDAH TUAI PADI, LOKAL, HM -17 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 9. | PINEAPPLE INDUSTRY HAS POTENTIAL TO EXPAND IN SARAWAK: BOARD, BIZ & FINANCE, THE SUN -13 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 10.<br>11. | RM165 JUTA NILAI TRANSAKSI TANPA TUNAI, NASIONAL, SH -7<br>MB PAHANG PUJI USAHA AGROBANK BANTU PENIAGA TEMPATAN, NASIONAL, SH -7 | AGROBANK |
| 12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16. | GANGGUAN BERAS MASIH BERLAKU, NEGARA, KOSMO -6<br>ISU BEKALAN BERAS TEMPATAN MAKIN REDA, NASIONAL, SH -10<br>BANCI PERTANIAN DILAKSANA 2024, LOKAL, HM -7<br>DOSM BAKAL LAKSANA BANCI PERTANIAN PADA 2024, NASIONAL, BH -9<br>AGRICULTURAL CENSUS SET FOR 2024, NST -7 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/12/2023 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | THE STAR | NATION | 4 |

# Year-end harvest helps ease local white rice supply

**KUALA LUMPUR:** The year-end rice harvest by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) has helped ease the local white rice supply shortage in the country, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

However, he said, the local rice supply in the country had not yet been fully stabilised due to high consumer demand.

"There is still (a shortage of local white rice) but the issue has eased ... our rice (self-sufficiency rate) is only 65%, this local rice is in demand because the price of imported rice is expensive," he told reporters after visiting the AU2 Taman Keramat Community Garden here yesterday.

Mada, according to Mohamad, is also in the process of replanting padi for next year's supply.

Meanwhile, he encouraged city residents to get involved in food security efforts by opening community gardens in appropriate open spaces.

He said open spaces near residential areas could be utilised by planting cash crops such as chilli and lemongrass that would benefit the local community.

He added that the government, through the Prime Minister's Department, had allocated RM1bil for community development projects, including agriculture.

At the same time, Mohamad advised those interested in urban farming activities to obtain approval from their local authorities to avoid any disruption to existing infrastructure.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, through Budget 2024, announced an allocation of RM1bil under the Madani Community Fund to support efforts to boost community economy.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/12/2023 | THE SUN | NATION | 2 |




Mohamad trying his hand at threshing *padi* at the event yesterday. – **BERNAMAPIC**

# Local white rice shortage eases

**KUALA LUMPUR:** The year-end rice harvest by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) has helped to ease the local white rice supply shortage.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said local rice supply has not yet fully stabilised, as consumer demand remains high.

"There is still (a shortage of local white rice) but it has eased. Our rice (self-sufficiency rate) is only 65%. Local rice is in demand because the price of imported rice is high," he said after visiting the AU2 Taman Keramat Community Garden yesterday.

He also encouraged city residents to get involved in food security efforts by having community gardens in appropriate open spaces.

Mohamad said open spaces near residential areas could be utilised by planting crops such as chilli and lemongrass, that would benefit local communities, Bernama reported.

He added that the government, through the Prime Minister's Department, has allocated RM1 billion for community development projects, including agriculture.

Mohamad advised those interested in urban farming to obtain approval from their respective local authorities.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 6 |

Masalah bekalan makin berkurangan di seluruh negara

# Gangguan beras masih berlaku

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengakui masih terdapat gangguan dalam bekalan beras tempatan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan permasalahan itu sudah semakin berkurangan dan pihaknya sedang berusaha memastikan bekalan beras tempatan mencukupi.

"Masih ada (gangguan), tetapi reda sekarang tapi masih (ada) lagi... Kita sedang usaha cukupkan, yang tuai baru ini masih dalam proses pengilangan. Jadi sekarang baru reda.

"Reda (isu) beras, ayam, telur, (nanti) masalah bawang pula. Beras kita hanya 65 peratus, kita tidak cukup 35 peratus maka sentiasa ada perkara-perkara itu.

"Beras tempatan jadi rebutan sebab harga beras import mahal," katanya ketika ditemui pemberita selepas melawat Projek Kebuniti oleh Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2 di Taman Keramat dekat sini semalam.

Beliau berkata demikian apabila ditanya pemberita mengenai dakwaan berlaku gangguan bekalan beras tempatan di pasaran ketika ini.

Sebelum ini media melaporkan, bekalan beras putih tempatan kurang di pasaran ekoran ramai pengguna beras import beralih untuk menggunakan bahan makanan itu disebabkan kenaikan harga global.

Masalah yang berlarutan sejak September lalu itu mengakibatkan sebahagian peniaga terpaksa menaikkan harga dan mencatu jualan hingga menjejaskan bekalan isi rumah.

Untuk rekod, Malaysia memerlukan 2.68 juta tan beras setahun di mana 1.11 juta tan adalah beras import.



**MASALAH** bekalan beras tempatan masih berlaku tetapi sudah semakin berkurangan. – GAMBAR HIASAN



**MOHAMAD** meninjau tanaman yang ditanam dalam projek kebuniti di Taman Keramat semalam.

## Perbanyakkan kebun bandar

**KUALA LUMPUR** – Penghuni bandar digalakkan untuk bercucuk tanam menggunakan tanah terbiar bagi memperbanyakkan kebun-kebun komuniti.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah tersebut membolehkan pengeluaran sendiri bahan makanan dalam kalangan masyarakat bandar.

"Kalau kita bawa kereta dalam bandar, (boleh lihat) banyak tanah kosong naik belukar. Kadangkala kawasan itu hendak buat perumahan sementara tunggu kelulusan yang mengambil masa tiga hingga empat tahun.

"Tanah itu boleh digunakan untuk tanaman kontan seperti cili, serai, daun-daun ulam dan juga ternakan. Kawasan belukar antara rumah pangsa atau padang boleh tanam cili," katanya ketika melawat Projek Kebuniti Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2 di Taman Keramat di sini semalam.

Menurut Mohamad, terdapat lebih 150 tanaman diusahakan di kawasan perumahan tersebut oleh penduduk setempat termasuk nangka, durian, mangga dan padi serta ternakan itik dan ikan keli.

Tambahnya, usaha itu perlu dikembangkan ke banyak lagi kawasan bandar di seluruh negara yang boleh dilakukan oleh orang berpencen yang masih mempunyai tenaga.

Kebun komuniti menggunakan sistem pengumpulan air hujan untuk pengairan dan sistem pengkomposan sisa sebagai bahan organik.

"Penduduk yang berminat boleh memohon peruntukan yang disediakan oleh kerajaan sebanyak RM1 bilion dibawah Jabatan Perdana Menteri untuk program-program komuniti," katanya.

Ujar Mohamad, permohonan peruntukan berdasarkan kawasan Parlimen dan hendaklah dibuat awal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Isu bekalan beras tempatan makin reda

Tuaian padi sedia ada sedang dalam proses pengilangan dan tanam semula

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR



Beras tempatan menjadi rebutan disebabkan beras import mahal.

Isu beras tempatan semakin reda melalui langkah yang diambil kerajaan bagi membolehkan bekalan itu cukup.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, tuaian padi sedia ada sedang dalam proses pengilangan disusuli penanaman semula.

"Isu bekalan masih ada tapi semakin reda. Cuma sekarang punca beras kita tidak mencukupi kerana tahap sara diri (SSL) negara baru 65 peratus dan masih 35 peratus lagi belum mencukupi.

"Difahamkan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) baru saja tuai padi, proses seterusnya menjemur, mengilang sebelum beras tersedia di pasaran," katanya pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau berkata, isu bekalan makanan sentiasa ada seperti 'yaumulkiamah' yang tiada berkesudahan.

"Beras tempatan jadi rebutan disebabkan beras import mahal.

"Reda beras, ayam, telur, timbul masalah bawang pula. Masalah makanan ini yaumulkiamah.. pasti akan ada," katanya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini mendapati kekurangan beras putih tempatan (BPT) dalam pasaran negara berpunca daripada pembelian panik dalam kalangan pengguna.

Ia juga disebabkan trend pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli beras putih import (BPI) kepada BPT ekoran berlaku kenaikan harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.

## Pesara digalak jayakan pertanian bandar, ubah tanah terbiar jadi kebun

**HULU KELANG** - Pesara termasuk veteran tentera diseru menjayakan usaha pertanian bandar bagi manfaat tanaman selain dapat mengisi masa lapang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, banyak belukar dipenuhi tumbuhan liar dan boleh diubah menjadi kebun komuniti yang turut dapat membantu sekuriti makanan.

Menurutnya, modul tersebut telah dilaksanakan di Jepun apabila penanaman padi dijalankan dalam skala kecil dalam sesebuah komuniti.

"Banyak tanah atau belukar yang boleh diusahakan. Jangan biar tanah belukar terbiar di tengah bandar.

"Dari segi tenaga, ia boleh diisi dengan orang pencen untuk terlibat dalam kebun komuniti. Ini telah dilakukan di Jepun dan mereka buat secara kecil-kecilan dan ada juga yang berskala besar," katanya pada lawatan kerja ke Kebun Komuniti AU2 Taman Keramat di sini pada Isnin.

Kebun tersebut diusahakan oleh Kelab Kebun Rumah Pangsa AU Taman Keramat sejak September 2015 dengan terdapat lebih 150 jenis tanaman termasuk ulam-ulaman, nangka, durian dan mangga.

Mohamad berkata, kebun komuniti tersebut boleh dijadikan panduan untuk disebar luaskan ke kawasan bandar dan pinggir kota termasuk Gombak dan Selayang selain Shah Alam, Subang Jaya serta Petaling Jaya.

"Saya gembira apabila kebun komuniti berada di pinggir bandar kerana banyak tanah kosong menjadi belukar.

"Kadang kala ada kawasan itu dicadangkan mahu dinaikkan perumahan, tapi terbiar lebih tiga tahun kerana menunggu kelulusan proses permohonan.

"Tempoh itu sebenarnya boleh digunakan untuk tanaman kontan seperti cili, serai, ulaman serta ternakan," katanya.

Ujarnya, usaha itu dibuat perlu dilebarkan ke seluruh negara dan peruntukan RM1 bilion yang disediakan untuk aktiviti komuniti perlu dimanfaatkan persatuan penduduk untuk projek komuniti termasuk pertanian.

"Kawasan semak antara rumah pangsa juga boleh dijadikan aktiviti tanaman seperti tanam cili memandangkan kebergantungan import cili tinggi hampir 70 peratus.

"Namun perlu pastikan tanah diusahakan bersesuaian, dapatkan keizinan kepada pengurusan bangunan selain perlu pastikan lokasi yang dipilih tidak membahayakan," katanya.



Mohamad (tiga dari kanan) pada lawatan kerja ke Kebun Komuniti AU2 Taman Keramat pada Isnin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |



# Kopi pracampur Anramin tembusi pasaran di 3 negara

Bantuan diperoleh bantu Azizan perluas perniagaan, kini dalam proses bina kilang ketiga

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Larut:** Bermula dengan menjual kopi pracampur tongkat Ali dan kacip Fatimah di sekitar kawasan kampung dekat Batu Kurau, di sini pada 2007, bekas juruelektrik kini memiliki dua kilang memproses produk berasaskan kopi pracampur dan berjaya menembusi pasaran luar negara di tiga negara.

Jenama kopi pracampur, Anramin yang diusahakan Azizan Wahab, 51, kini dipasarkan di Filipina, Singapura dan Indonesia dengan 10 varian termasuk tongkat Ali, kacip Fatimah, susu kambing, susu kambing + teh tarik, susu kambing + oat dan susu kambing + kurma.

Katanya, keinginan menceburi perniagaan berasaskan minuman herba bermula ketika beliau melakukannya secara sambilan pada 2005 dan masih berkhidmat sebagai juruelektrik di Taiping.

Latar belakang keluarganya yang mengusahakan perniagaan berasaskan produk tradisional dari Pulau Langkawi, Kedah, mencambahkan lagi minatnya menceburi bidang itu.

Azizan kemudian, berhenti kerja dan mengambil keputusan menetap di kampung isterinya di Kampung Gudang, Batu Kurau dan menjalankan perniagaan itu secara kecil-kecilan.

Akhirnya, beliau mengambil keputusan menceburinya secara serius dan membina bengkel memproses produk berkenaan di atas tanah sendiri dengan bantuan modal RM25,000 daripada Jabatan Pertanian Negeri Perak pada 2007.

"Seterusnya, saya membesarkan lagi perniagaan ini dengan memindahkan operasi kilang di kawasan Perindustrian Kamunting dan berjaya memasarkan produk ke Filipina, Singapura, dan Indonesia.

"Produk itu berjaya dieksport berikutan, usaha saya memantapkan lagi proses pembungkusan produk berkenaan sejak 2015. Semua ini menerusi bantuan Jabatan Pertanian berjumlah lebih RM100,000 yang diterima," katanya kepada *BH*.

## Terima banyak pendedahan

Beliau berkata, bantuan diperoleh melalui jabatan berkenaan tidak terhad di situ, sebaliknya turut membabitkan bantuan lain, termasuk bimbingan dan tawaran menghadiri kursus pemantapan usahawan seperti pengurusan kewangan serta peluang menghadiri acara besar membabitkan keusahawanan yang disertai jabatan itu.




*Azizan bersama produk kopi pracampur 10 varian Anramin keluaran kilangnya.*

"Pada masa sama, saya juga menerima bantuan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) seperti peluang menyertai acara pada peringkat antarabangsa di luar negara dan bantuan berupa mesin serta peralatan di kilang.

"Saya juga mendapat banyak pendedahan mengenai keusahawanan melalui pembabitan program bersama Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

"Bagaimanapun, Jabatan Pertanian paling banyak membimbing saya, iaitu sejak dari mula menceburi bidang ini hingga sekarang supaya saya terus melangkah lebih jauh," katanya.

Beliau berkata, dua premis kilang disewanya kini berupaya menggajikan kira-kira 30 pekerja dengan sasaran perolehan jualan bagi tahun 2023 melebihi RM4 juta berbanding RM3 juta jualan tahunan yang dicatatkan sepanjang tahun lalu.

Datuk kepada seorang cucu ini berkata, kini syarikat Aramin Industry (M) Sdn Bhd yang diusahakannya dalam proses pembinaan kilang ketiga dan menjangkau 20 peratus siap.

Di bawah pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Jabatan Pertanian diletakkan sebagai antara agensi peneraju dalam mencapai sasaran agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi di bawah *flagship* Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 18 |

# Pindah haiwan ternakan ke tempat tinggi semasa banjir

**SAUDARA PENGARANG,**

**SAYA** mencadangkan kerajaan mewujudkan pusat pemindahan ternakan sementara khusus bagi lembu, kambing, biri-biri, ayam dan sebagainya sebagai satu langkah meminimumkan kerugian besar kepada penternak di kala dilanda bencana banjir di seluruh negara.

Hal demikian ini kerana Malaysia berhadapan bencana banjir setiap tahun dan mengakibatkan kerugian yang begitu besar. Merujuk Laporan Khas Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Mengenai Kesan Banjir di Malaysia 2022, sektor pertanian sahaja mengalami kerugian tertinggi sebanyak 25 peratus iaitu RM154.5 juta pada tahun tersebut berbanding 2021 sebanyak dua peratus (RM90.6 juta).

Tambahan lagi, Terengganu antara negeri yang mengalami kerugian besar dalam sektor pertanian pada 2022, iaitu RM79.1 juta diikuti Kelantan, RM66 juta. Sudah pasti sektor pertanian yang terjejas mengakibatkan implikasi bukan sahaja kepada penternak tetapi juga menjejaskan ekonomi negara.

Tidak dinafikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) ada menyediakan Manual Pengurusan Haiwan Semasa Bencana (AEMMA) sebagai panduan. Namun begitu, manual tersebut perlu ditambah baik dengan penyediaan pusat pemindahan khas terhadap haiwan ternakan sebelum berlakunya banjir di kawasan berisiko.

Contohnya, inisiatif diambil oleh seorang penternak di Setiu yang membina kandang lembu sementara di atas bukit sebagai persediaan menghadapi bencana banjir.

Di samping itu, pasukan penyelamat ternakan di bawah JPV wajar ditubuhkan terutama bagi kawasan projek penternakan berimpak tinggi negeri-negeri berisiko banjir khususnya di Terengganu seperti Projek Lembu Semi Fidlot, Projek Ladang Induk Pengganda Kambing Tenusu dan sebagainya.

Selain dapat menyelamatkan nyawa manusia, kerajaan seharusnya menyediakan tempat pemindahan sementara yang lebih selamat terhadap haiwan ternakan sebelum musibah banjir dengan mengambil ibrah daripada kisah Nabi Nuh yang membawa pengikutnya dari semua spesies haiwan ke dalam kapal secara berpasangan.

Oleh itu, cadangan ini adalah salah satu strategi adaptasi dan mitigasi perubahan iklim dalam meminimumkan kerugian besar dalam sektor pertanian.

**SHAHARIZUKIRNAIN ABDUL KADIR**
Ahli Parlimen Setiu



**KERAJAAN seharusnya menyediakan tempat pemindahan sementara yang lebih selamat untuk haiwan ternakan sebelum musibah banjir.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Mada sudah tuai padi

## *Isu kekurangan beras putih tempatan makin reda: Mohamad*

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Isu kekurangan beras putih tempatan (BPT) ketika ini semakin reda melalui hasil tuaian padi hujung tahun oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, penyelesaian masalah itu sedang giat dilakukan bagi memastikan bekalan mencukupi untuk pasaran tempatan.

"Isu ini reda, cuma sekarang punca beras kita tidak mencukupi kerana tahap sara diri (SSL) negara baru 65 peratus dan masih 35 peratus lagi belum mencukupi.

"Difahamkan, Mada baru saja tuai padi, proses seterusnya menjemur, mengilang sebelum beras tersedia di dalam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Lawatan Kerja ke Kebun Komuniti AU2 Taman Keramat, di sini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini mendapati, kekurangan BPT dalam pasaran berpunca daripada pembelian panik dicetuskan sebuah video yang menyebarkan berita palsu bekalan beras jenis itu bakal kehabisan.

Selain itu, kementerian juga mengesan trend pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli beras putih import (BPI) kepada BPT, ekoran berlaku kenaikan harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.



MOHAMAD melakukan simbolik menuai padi pada Majlis Tuai Padi Bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Lawatan Kerja sempena Program Lestari Alam Sekitar di Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2, Taman Keramat, semalam.

Situasi itu mendorong pengguna 'menyerbu' pasar raya mahupun kedai runcit untuk membeli BPT lebih banyak daripada biasa.

Mohamad berkata, isu sekuriti makanan tidak akan berkesudahan termasuk isu ayam, telur dan mungkin selepas ini, mungkin berlaku isu kekurangan bawang.

"Masalah membabitkan makanan ini tidak akan berkesudahan.

"Misalnya, BPT sekarang ini menjadi rebutan kerana beras import mengalami kenaikan harga," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menggalakkan persatuan penduduk memohon Dana Komuniti Madani berjumlah RM1 bilion yang diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | THE SUN | BIZ & FINANCE | 13 |

# Pineapple industry has potential to expand in Sarawak: Board

**JOHOR BAHRU:** The national pineapple industry has the potential to be expanded in Sarawak considering the peat and mineral soils available in the state, said Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) chairman Sheikh Umar Bagharib Ali.

He said there are four contributing success factors for the pineapple industry in Sarawak which is still rich in land resources compared with the peninsula.

In fact, he said, about 2.8 million hectares of land have been identified as having the potential for agriculture.

"Sarawak has clear leadership direction to achieve its vision and mission in the pineapple industry. In fact, Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg himself has announced the target to expand up to 20,000 hectares for pineapple cultivation in the state by 2030.

"Hence, pineapple can be an option here, in addition to the suitability of both peat and mineral soils found in Sarawak, so pineapple (farming) can be expanded immediately," he said in a statement.

Sheikh Umar Bagharib made a three-day working visit to Kuching, Sarawak, from Wednesday last week, including attending the launch of the Sarawak Pineapple Industry Seminar 2023, a visit to Sungai Mata pineapple plantation, and attending several meetings related to the industry.

He said Sarawak LPNM has played an active role since its establishment in 2010.

To date, the pineapple plantation acreage in the state stands at 3,000 hectares, which shows an average increase of around 7.6% per year.

"To achieve the target of 20,000 hectares by 2030, the average increase for the fruit in Sarawak must be doubled to 14% annually, therefore, the Sarawak LPNM will continue to focus on this to realise its aspiration," he said.

Sarawak has a new pineapple variety, namely Sarawak Gold 1 or SG1, which has its own features including having a shorter harvesting period as well as its ability of high cultivation density which can expedite the development of the industry in Sarawak.

Towards this end, a technical working group will be formed immediately with industry stakeholders to fine-tune pineapple development in Sarawak Sheikh Umar Bagharib said. – Bernama



Sheikh Umar Bagharib lists four factors that contribute to the success of the pineapple industry in Sarawak. – ***LPNM PIC***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |



# RM165 juta nilai transaksi tanpa tunai

## Agrobank catat rekod, transformasi perniagaan industri tani

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
TEMERLOH

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) mencatat rekod transaksi tanpa tunai berjumlah RM165 juta sekali gus mengubah arah aliran perniagaan berasaskan industri tani di negara ini.

Perkembangan positif itu diumumkan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussein yang mana jumlah tersebut direkodkan pada awal tahun ini sehingga November lalu melibatkan 166,000 pemegang akaun perbankan mudah alih.

Malah, berdasarkan prestasi tersebut, pihaknya turut menyasarkan tambahan 400,000 pemegang akaun perbankan mudah alih menggunakan perkhidmatan transaksi tanpa tunai pada tahun hadapan.

"Selari dengan matlamat tersebut, Agrobank telah berjaya menjadikan pasar pagi terpanjang di Malaysia, Pasar Sehari Temerloh menggunakan perkhidmatan transaksi tanpa tunai dengan penglibatan lebih 300 peniaga.

"Justeru, kita (Agrobank) akan melakukan usaha berterusan untuk para peniaga di pasar ini beralih ke transaksi tanpa tunai. Berdasarkan maklum balas yang diterima setakat ini, sambutan dan penerimaan mereka amat baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Cashless Pekan Sehari Temerloh di Terminal Bas Lurah Semantan, di sini pada Ahad.



Wan Rosdy beramah mesra dengan peniaga sempena kempen Cashless Pekan Sehari Temerloh anjuran Agrobank.



Agrobank terus melaksanakan usaha berterusan bagi memastikan para peniaga industri tani beralih ke transaksi tanpa tunai.

Majlis yang berkonsepkan kempen itu disempurnakan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

### Bantu para peniaga

Tambah Tengku Ahmad Badli Shah, Agrobank turut melaksanakan inisiatif membantu mengurangkan beban kos para peniaga dengan menyumbang kanopi merah kepada peniaga terlibat dalam kempen tanpa tunai di Pekan Sehari Temerloh.

Setakat ini katanya, kempen tersebut telah dilaksanakan di beberapa lokasi di Pahang antaranya kampung-kampung sekitar Ulu Tembeling, Pelangai, Sekolah Vokasional Tengku Ampuan Afzan, Bazar Taman Kerang, Mahkota Square selain di Pekan Sehari Temerloh.

Selain di Pahang, ujar beliau program tanpa tunai itu telah dilaksanakan di beberapa negeri lain antaranya di Daro, Sarawak dan Pasar Malam Api-Api di Kota Kinabalu, Sabah.

"Inisiatif ini juga turut menyokong usaha Bank Negara Malaysia (BNM) memastikan kemudahan kewangan dan perbankan dapat ditawarkan kepada setiap lapisan masyarakat bandar dan luar bandar," jelas beliau yang turut menyasarkan program yang sama di setiap daerah di seluruh negara.

Malah, Tengku Ahmad Badli Shah turut menyatakan para peniaga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan tanpa tunai dan produk-produk perbankan Agrobank di mana-mana cawangan yang berdekatan.



MASITAH

### Memudahkan perniagaan

Sementara itu, rata-rata peniaga menyifatkan penyertaan mereka dalam kempen Cashless Pekan Sehari Temerloh anjuran Agrobank itu amat membantu dalam menjalankan urus niaga mereka.

Seorang peniaga sayur dan ulam-ulaman, Masitah Abdul Wahab, 33, memberitahu, dia sangat menghargai usaha yang dijalankan oleh Agrobank.

"Saya baru sahaja menyertai program tanpa tunai ini dan ternyata ia sangat memudahkan peniaga seperti saya.

"Saya juga sudah semakin serasi dan selesa menggunakan aplikasi ini yang juga memudahkan pelanggan," jelas Masitah yang mengusahakan perniagaan itu di lokasi berkenaan.

Pandangan yang sama turut dinyatakan Syuhada Maklis, 22, yang mana dia menyatakan transaksi tanpa tunai yang disediakan Agrobank lebih cepat dan selamat.

"Setakat ini golongan muda lebih banyak menggunakan aplikasi tanpa tunai dan ia memang mudah," katanya yang menjalankan perniagaan jualan buah-buahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# MB Pahang puji usaha Agrobank bantu peniaga tempatan

**TEMERLOH** - Kerajaan negeri Pahang memuji langkah Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) membantu para peniaga di Pasar Sehari Temerloh meningkatkan prestasi jualan mereka menerusi penggunaan perkhidmatan transaksi tanpa tunai (cashless).

Menteri Besar, Datuk Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, usaha Agrobank itu bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran di antara peniaga dengan pembeli, tetapi turut selari dengan hasrat kerajaan negeri yang memberi penekanan terhadap proses pembangunan digitaliasi.



Pemandangan dari udara Pasar Sehari Temerloh.

"Kita akan memperluaskan program ini ke tempat-tempat lain dalam Kadar segera selaras dengan usaha Pahang menuju ke tahap *zero cashless* dalam masa terdekat.

"Setakat ini, apa yang menarik penerimaan masyarakat tempatan cepat dan amat baik. Mereka menerima kerana ia banyak kelebihan," jelas beliau selepas melancarkan Majlis Cashless Pekan Sehari Temerloh anjuran Agrobank, di sini pada Ahad.

Dalam majlis sama, Wan Rosdy turut memaklumkan kerajaan negeri telah pun melaksanakan Pelan Digital Pahang 2012-2025.



Antara peniaga yang mengambil bahagian kempen Cashless Pekan Sehari Temerloh anjuran Agrobank.

Malah, dalam pelan tersebut antara tiga tumpuan keberhasilan meliputi pewujudan ekosistem digital yang kondusif dan berintegrasi di antara kerajaan, rakyat dan swasta.

"Selain itu, kerajaan negeri turut memberi penekanan kepada membudayakan hidup digital dalam kalangan rakyat dalam semua bidang dan sektor di negeri ini," ujarnya.

Untuk rekod, Pekan Sehari Temerloh yang kini berusia kira-kira 150 tahun mampu menarik kehadiran hingga 7,000 pengunjung sehari dari dalam dan luar Pahang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2023 | NST | | 7 |

# Agricultural Census set for 2024

ROSMAN SHAMSUDIN
**SUNGKAI**
news@nst.com.my

THE Statistics Department Malaysia (DoSM) — dubbed the country's official statistics producer — will carry out the 2024 Agricultural Census, which was last conducted in 2005.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the large-scale census covers households and business organisations involved in agricultural activities.

He said it included food crops and commodities, livestock, fisheries and aquaculture, logging and forestry.

"The last time this country conducted an Agricultural Census was in 2005."

"The main information that will be produced from the census is the demographics of agricultural holdings, land area, irrigation system, workers, agro-tourism, and financing facilities.

"It includes income and asset spending, agricultural practices and the use of technology, the digital economy in marketing, as well as aspects of food security."

Uzir said this after launching the Malaysian Greening Programme in conjunction with the 2024 Agricultural Census held at the Sigma Hall of the Malaysia Statistics Training Institute here, on Sunday.

Also present were Forest Research Institute Malaysia (FRIM) director-general Dr Ismail Parlan, Deputy Chief Statistician (Social Programme and Technical Development) Nazaria Baharudin and Deputy Chief Statistician (Economic Programme) Datin Seri Rozita Talha.




*Statistics Department of Malaysia Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (first row standing, fifth from right) holding a placard alongside participants in the Malaysian Greening Programme on Sunday. With him is Forest Research Institute Malaysia director-general Dr Ismail Parlan (first row standing, centre).* PIX BY ROSMAN SHAMSUDIN

Earlier, Uzir, together with Ismail as well as over 300 participants, planted 350 seedlings in a 0.68-hectare area near Sigma Hall.

Uzir said the ministerial memorandum for the implementation of the 2024 Agricultural Census was presented and approved during the Ministerial Meeting on Nov 24.

"Officially, DOSM has received a written authority to intensify the preparatory work for the implementation of the 2024 Agricultural Census, in particular, the gazette.

"The implementation of the census is in line with the resolution of the United Nations Food and Agriculture Organisation (FAO) which recommends that all countries carry out an Agricultural Census once every 10 years.

"For example, Australia, Canada and the Republic of Korea conduct an Agricultural Census every five years, while Indonesia, the Philippines, Thailand and Sri Lanka conduct a census every 10 years."

As such, he said this year the DOSM has conducted various engagement sessions including preparing questionnaires that meet the needs of the relevant ministry agencies for planning as an initial preparation for the implementation of the census.

He added that the department had interacted with more than 200 agencies at the federal level and about 1,000 at the district level.

"After we conducted an engagement session, we collected the data available at the agency and it is now being integrated.

"The last Agricultural Census was in 2005, resulting in many data gaps and inconsistent data that will be balanced.

"So far, we found that there are 1.6 million people involved in the agricultural sector, among them farmers, and there are also business organisations including large companies."

Uzir said this census would be combined with industry data collected, which involves the manufacturing sector related to agriculture, as well as linking export and import data to see the country's trade ecosystem.

"Thus, this Malaysian Greening Programme is symbolic of the implementation of the Agricultural Census that will be carried out by DOSM next year, in addition to supporting the government's commitment to environmental sustainability.

"This initiative not only reflects DOSM's commitment to environmental sustainability, but is also in line with the national agenda that emphasises the importance of green areas.

"It is in line with the 100 Million Tree Planting Campaign implemented by the Natural Resources, Environment and Climate Change Ministry for five years from 2021 to 2025."

Meanwhile, Ismail said the purpose of the campaign was to raise awareness of the importance of preserving green areas filled with trees throughout the country.

"The aim of this campaign is also to evoke a sense of love and appreciation for nature and increase understanding of nature-based solutions to create a more sustainable life.



*Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin holding up a seedling during the Malaysian Greening Programme.*

"Up till today, we have planted more than 80 million trees across the country involving various agencies and parties, and we still have two years to reach the target of 100 million trees by 2025."

He said the cooperation between DOSM and FRIM would continue in the future in supporting the goal of sustainable development.